

Notis Perlindungan Data Peribadi bagi Malakoff Corporation Berhad.

Malakoff Corporation Berhad dan subsidiari-subsidiarinya (secara kolektif dirujuk sebagai “**Malakoff**”), menghormati dan komited untuk melindungi data peribadi anda dan privasi anda. Notis Perlindungan Data Peribadi (“**Notis**”) ini akan menjelaskan bagaimana kami mengumpul dan mengendalikan data peribadi anda mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia (“**Akta**”). Sila ambil perhatian bahawa Malakoff boleh meminda Notis ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu dan sebarang pindaan akan dimaklumkan melalui laman web kami atau melalui e-mel.

(1) Data Peribadi

1.1 *Jenis data peribadi*

Data peribadi bermakna sebarang maklumat yang berkaitan dengan anda dan yang dikumpul atau dibekalkan kepada Malakoff bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen (2) di bawah.

Data peribadi merujuk kepada sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan / atau transaksi anda dengan kami. Maklumat ini termasuk nama anda, butir-butir perhubungan, alamat, nombor kad pengenalan, butir-butir kewangan dan perbankan, rakaman-rakaman televisyen litar tertutup (“**CCTV**”), rakaman-rakaman sekuriti atau imej (gambar-gambar dan rakaman video), jenis-jenis produk dan / atau perkhidmatan yang dilanggan dan apa-apa maklumat lain yang diperlukan mengenai diri anda dan transaksi anda .

1.2 *Sumber data peribadi*

(i) Pelanggan atau bakal pelanggan: Malakoff mengumpul data peribadi anda secara langsung daripada anda atau secara tidak langsung daripada pihak-pihak ketiga, laman web Malakoff atau carian-carian yang dijalankan atau maklumat yang diperolehi daripada mana-mana agensi-agensi kawalselia atau agensi-agensi laporan kredit. Sebagai contoh:

- apabila anda menyerahkan borang permohonan untuk menjadi pelanggan kami, atau mendaftar atau melanggan produk-produk dan / atau perkhidmatan kami;
- apabila anda menghubungi kami secara terus melalui laman web Malakoff dan / atau pasukan khidmat pelanggan, contohnya, melalui pertanyaan tentang produk-produk dan / atau perkhidmatan-perkhidmatan kami;
- melalui aktiviti-aktiviti pemasaran atau acara-acara, contohnya, kaji selidik-kaji selidik yang dijalankan di pameran-pameran bergerak, pameran-pameran dan /atau pengumpulan kad perniagaan melalui kaedah balang ikan; dan
- melalui pihak-pihak ketiga seperti rakan-rakan kongsi perniagaan kami dan / atau agen-agen anda.

(ii) Pengedar, vendor, pembekal atau penyedia perkhidmatan: Malakoff mengumpul data peribadi anda secara langsung atau secara tidak langsung daripada pihak-pihak ketiga, atau majikan anda atau maklumat yang diperolehi daripada mana-mana agensi-agensi kawalselia atau agensi-agensi laporan kredit. Sebagai contoh:

- apabila anda menghubungi kami secara terus berkenaan dengan sebarang transaksi komersial anda;
- apabila anda tender untuk projek-projek;
- apabila anda memulakan satu hubungan perniagaan bersama kami;
- apabila kami menilai kredibiliti anda; dan

- melalui pihak-pihak ketiga seperti rakan-rakan kongsi perniagaan kami.

1.3 Data peribadi wajib

Semua maklumat yang diminta daripada anda adalah wajib untuk anda bekalkan kecuali dinyatakan sebaliknya.

Sekiranya anda gagal untuk membekalkan maklumat wajib, kami mungkin tidak akan dapat:

- (i) membekalkan anda dengan produk yang relevan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diminta; atau
- (ii) memproses transaksi komersial tersebut.

(2) Tujuan-tujuan pengumpulan dan pemprosesan lanjut (termasuk pendedahan) data peribadi anda

- (i) Pelanggan atau bakal pelanggan: Data peribadi anda akan dikumpul dan selanjutnya diproses sebagaimana yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang dan untuk memberi kesan kepada transaksi komersial yang diminta, termasuk yang berikut:

- untuk memproses permohonan anda untuk membekalkan anda dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diminta;
- untuk mentadbir dan menguruskan produk dan / atau perkhidmatan-perkhidmatan yang kami sediakan kepada anda (ini termasuk pengecasan, bil, memudahkan pembayaran dan mengutip hutang);
- untuk menghubungi anda tentang maklumat produk, perkhidmatan-perkhidmatan, acara-acara akan datang, promosi-promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan-bahan komersial yang kami rasa dapat menarik minat anda (atas permintaan anda)*;
- untuk membekalkan anda dengan penyenggaraan dan / atau perkhidmatan selepas jualan;
- untuk pengurusan rekod-rekod dalaman Malakoff;
- untuk menjalankan analisis pemasaran dan penyelidikan dan pemprofilan pelanggan untuk mengukur aliran pasaran;
- untuk membekalkan anda dengan sokongan pelanggan;
- untuk memudahkan penyertaan anda dalam mana-mana pertandingan, acara dan / atau program keahlian;
- untuk memastikan bahawa kandungan laman web Malakoff dipamerkan dalam cara yang paling berkesan untuk anda dan computer anda dan / atau peranti anda;
- untuk meningkatkan kualiti produk-produk dan / atau perkhidmatan-perkhidmatan Malakoff;
- untuk mengendalikan premis-premis kami dalam suatu cara yang selamat secara fizikal, terjamin dan bersesuaian dengan keperluan-keperluan kesihatan dan keselamatan;
- untuk menyokong perniagaan, pemantauan kewangan dan risiko, perancangan dan membuat keputusan untuk Malakoff;
- untuk penyiasatan dalaman, audit atau tujuan-tujuan sekuriti; dan
- untuk mematuhi obligasi-obligasi undang-undang dan kawal selia Malakoff dalam perjalanan perniagaannya.

*Anda boleh memilih keluar daripada menerima bahan-bahan pemasaran atau promosi sebegitu pada bila-bila masa dengan menghubungi Malakoff melalui butir-butir yang dibekalkan dalam Seksyen (6) di bawah.

(ii) **Pengedar, vendor, pembekal atau penyedia perkhidmatan:** Data peribadi anda akan dikumpul dan selanjutnya diproses sebagaimana yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang dan untuk memberi kesan kepada transaksi komersial yang diminta, termasuk yang berikut:

- untuk mengurus dan memberi kesan kepada transaksi komersial (seperti anugerah tender, kontrak untuk perkhidmatan dan / atau perjanjian konsainan);
- untuk memproses permohonan akaun kredit;
- untuk memproses kelayakan kredit;
- untuk memproses mana-mana bayaran berkenaan dengan transaksi komersial;
- untuk penyiasatan dalaman, audit atau tujuan-tujuan sekuriti;
- untuk mematuhi obligasi-obligasi undang-undang dan kawal selia Malakoff dalam perjalanan perniagaannya;
- untuk menyokong perniagaan, pemantauan kewangan dan risiko, perancangan dan membuat keputusan untuk Malakoff;
- untuk memastikan bahawa kandungan laman web kami dipamerkan dalam suatu cara yang paling berkesan untuk anda dan untuk computer anda dan / atau peranti anda; dan
- untuk pengurusan rekod-rekod dalaman Malakoff.

(3) Pendedahan atau pemindahan data peribadi (di dalam atau di luar Malaysia)

Data peribadi anda yang dibekalkan kepada kami boleh didedahkan atau dipindahkan kepada kelas-kelas pihak ketiga yang berikut (di dalam atau di luar Malaysia) sebagaimana yang diperlukan di bawah undang-undang atau berikutan dengan hubungan kontraktual yang relevan (sebagai contoh, di mana kami melantik penyedia-penyedia perkhidmatan pihak ketiga) atau untuk tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen (2) di atas atau berkaitan dengan tujuan-tujuan tersebut secara langsung:

- entiti-entiti dalam Malakoff (termasuk syarikat-syarikat berkaitan, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat induk, syarikat-syarikat bersekutu dan rakan-rakan kongsi khidmat luaran);
- pembeli-pembeli dan pengganti-pengganti hak milik perniagaan atau saham Malakoff (secara keseluruhan atau hanya sebahagiannya) yang sebenar atau berpotensi (termasuk penasihat-penasihat / wakil-wakilnya) akibat daripada satu penjualan perniagaan, pelupusan, perolehan, penggabungan atau penyusunan semula yang berpotensi, dirancang atau sebenar;
- rakan-rakan kongsi perniagaan kami seperti syarikat-syarikat insurans, bank-bank dan institusi-institusi kewangan;
- bahagian-bahagian atau agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak berkuasa statutori dan pengawal selia industri;
- sebarang pihak yang kami diwajibkan atau diperlukan di bawah undang-undang untuk berbuat demikian atau sebagai respons kepada satu agensi kompeten atau kerajaan;
- agensi-agensi penguatkuasa undang-undang;
- pihak-pihak ketiga yang kami lantik untuk membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam, setiausaha syarikat, penyedia-penyedia perkhidmatan, syarikat percetakan, syarikat telekomunikasi, kontraktor, pengajur acara dan latihan dan penasihat-penasihat lain).

(4) Laman web

4.1 *Pautan ke laman-laman web lain*

Pautan-pautan ke laman-laman web pihak ketiga mungkin dibekalkan dalam laman web Malakoff untuk kemudahan dan maklumat anda. Laman-laman web ini mungkin mempunyai kenyataan privasi masing-masing dan Malakoff tidak mengawal, mencadangkan atau menyokong laman-laman ini dan

Malakoff tidak akan bertanggungjawab ke atas laman-laman ini atau kandungan-kandungannya. Oleh itu, Malakoff menggalakkan anda untuk membaca polisi-polisi privasi yang terdapat dalam laman-laman web ini.

(5) Hak untuk mengakses dan meminda data peribadi

Anda mempunyai hak untuk mengakses dan meminda data peribadi anda yang kami pegang. Kami akan dengan sedaya upaya memastikan bahawa data peribadi anda adalah tepat dan terkini. Justeru itu, kami meminta agar anda memaklumkan kami secara terus melalui butir-butir perhubungan yang dibekalkan dalam Seksyen (6) di bawah sekiranya anda ingin mengakses, mengubah atau membuat sebarang pembetulan atas maklumat anda.

Kami akan mengenakan bayaran pemprosesan untuk mencari dan membekalkan anda dengan akses kepada maklumat peribadi anda dan untuk menampung kos pentadbiran.

Sila mengambil perhatian bahawa kami akan terpaksa menahan akses kepada data peribadi anda dalam keadaan tertentu, contohnya apabila kami tidak dapat menentukan atau mengesahkan identiti anda atau apabila maklumat yang diminta oleh anda bersifat komersial sulit atau sekiranya kami menerima permintaan berulang-ulang untuk maklumat yang sama. Namun demikian, kami akan memaklumkan anda sebab-sebab kami tidak dapat menyetujui permintaan anda.

(6) Mengakses , membetulkan, mengehadkan pemprosesan data peribadi, pertanyaan lanjut dan aduan

Sekiranya:

- (i) anda ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang cara mengehadkan pemprosesan data peribadi anda;
- (ii) anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang data peribadi anda; atau
- (iii) anda ingin mengakses, membetulkan atau membuat aduan berkenaan dengan data peribadi anda,

anda boleh menghubungi Ketua Jabatan, Perkhidmatan Pelanggan dan Pemasaran kami melalui e-mel cs-mu@malakoff.com.my atau menghubungi Penjagaan Pelanggan kami di 03-2273 5888.

(7) Konflik

Sekiranya berlakunya sebarang konflik di antara Notis Perlindungan Data Peribadi dalam Bahasa Inggeris dengan Notis Perlindungan Data Peribadi dalam Bahasa Malaysia yang sepadan dengannya, terma-terma Notis dalam Bahasa Inggeris akan mengatasinya.